

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 26 JULAI 2016 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Bina makmal periksa brek bas, lori	Utusan Malaysia
2	SIRIM bina makmal baru bagi uji sistem brek	Harian Metro
3	SIRIM tubuh makmal baharu uji brek, komponen automotif	Berita Harian

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 24
TARIKH : 26 JULAI 2016 (SELASA)



WILFRED MADIUS TANGAU (empat dari kiri), Abu Bakar Mohamad Diah (tiga dari kiri) dan Ahmad Tajuddin Ali (empat dari kanan) memotong kek sambil disaksikan Zainal Abidin Mohd. Yusof (dua dari kiri) dalam majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri anjuran Kumpulan SIRIM di Shah Alam, Selangor, semalam. - UTUSAN/SAHARUDDIN ABDULLAH

Bina makmal periksa brek bas, lori

SHAH ALAM 25 Julai - Sebuah makmal khas yang berupaya mengenal pasti tahap keberkesanan sistem brek kenderaan khususnya komersial yang dipasarkan di negara ini dijadualkan beroperasi awal tahun depan.

Pengerusi **SIRIM Berhad**, Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali berkata, dengan adanya makmal berkenaan, pad brek yang dipasang pada kenderaan khususnya bas dan lori dapat diketahui tahap keselamatannya, sekali gus mampu menyelamatkan nyawa pengguna jalan raya lain.

Menurutnya, syarikat automotif di negara ini seharusnya mengambil peluang menggunakan kemudahan tersebut bagi mengurangkan kemalangan nya-

wa di jalan raya terutama mem-babitkan kenderaan berat.

"Banyak kemalangan jalan raya yang berlaku adalah disebabkan faktor sistem brek terutama pad brek yang tidak berkualiti.

"Makmal yang bakal siap sepe-nuhnya ini nanti dapat memas-tikan pad brek yang digunakan pada kenderaan di negara ini me-menuhi standard keselamatan yang ditetapkan," katanya ketika ditemui dalam Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri anjuran Kum-pulan SIRIM, di sini hari ini.

Yang turut hadir **Menteri Sains, Teknologi dan Industri**, Datuk Wilfred Madius Tangau; **timbalannya**, Datuk Dr. Abu Ba-kar Mohamad Diah serta Pre-siden dan Ketua Pegawai Ekse-

kutif Kumpulan SIRIM, Datuk Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusof.

Pada 10 Julai lalu, sebuah bas persiaran yang dalam perjala-nan dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur melanggar 10 buah ken-deraan semasa menuruni bu-kit di Kilometer 265.8, Lebuhraya Utara-Selatan arah selatan berdekatan Terowong Menora di Ipoh, Perak.

Kejadian dikatakan berlaku ekor bas tersebut dipercayai mengalami masalah teknikal iaitu brek tidak berfungsi dengan sempurna.

Keadaan itu mengakibatkan bas yang sedang menuruni bukit gagal dikawal dan bergerak laju sebelum melanggar kenderaan lain di hadapannya.

SIRIM bina makmal baru bagi uji sistem brek

Shah Alam: Institut Piaw-
ian Penyelidikan Perindus-
trian Malaysia (SIRIM) me-
lalui kumpulan anak syari-
katnya kini memberi tum-
puan kepada pelaksanaan
makmal baru bagi pengujian
sistem brek dan komponen
syarikat pengeluar kompo-
nen automotif di negara ini.

Langkah itu dilihat
mampu mengurangkan
risiko kemalangan di negara
ini terutama membabitkan
masalah sistem brek
termasuk kes rempuh
terhadap 10 kereta dalam
kemalangan di Kilometer
265.8, Lebuhraya PLUS arah
selatan selepas Terowong
Menora, Ipoh, 10 Julai lalu.

Naib Presiden SIRIM Ir Dr
Mohamad Jamil Sulaiman
berkata, makmal baru itu
termasuk dalam
pelaksanaan strategi utama



MOHAMAD Jamil

dalam Pelan Transformasi
lima tahun.

Menurutnya, ia
membabitkan inovasi,
perkembangan perniagaan
dan penstrukturan semula
selain peningkatan
produktiviti bagi peranti
perubatan serta pengujian
tangki tekanan bagi gas asli
mampat.

SIRIM tubuh makmal baharu uji brek, komponen automotif

➔ Usaha kurangkan risiko kemalangan jalan raya

Oleh Norashikin Leman
bhbiz@bh.com.my

SIRIM Bhd melalui kumpulan anak syarikatnya kini memberi tumpuan terhadap penubuhan makmal baharu untuk pengujian sistem brek dan komponen automotif.

Pengujian komponen yang menyasarkan syarikat pengeluar komponen automotif di negara ini, dilihat mampu mengurangkan risiko kemalangan terutama membabitkan masalah sistem brek.

Naib Presiden SIRIM, Dr Mohamad Jamil Sulaiman, berkata makmal baharu itu termasuk dalam pelaksanaan strategi utama dalam Pelan Transformasi lima tahun iaitu inovasi,

perkembangan perniagaan dan penstrukturan semula selain peningkatan produktiviti.

Selain makmal pengujian sistem brek dan komponen, pelaksanaan strategi utama itu turut menyediakan makmal pengujian keserasian bio bagi peranti perubatan serta pengujian tangki tekanan bagi gas asli mampat.

Beroperasi tahun depan

Katanya, makmal yang mula beroperasi tahun depan itu dijangka dapat membantu menyelesaikan serta mengurangkan risiko kemalangan yang sering membabitkan kenderaan komersial.

“Pembekal serta pemilik syarikat kenderaan komersial digalakkan menghantar kenderaan menjalani ujian ketahanan sistem brek dan komponen di makmal berkenaan.

“Ia bagi memastikan peralatan digunakan melepasi syarat keselamatan serta menepati ciri kualiti diperlukan,” katanya ketika ditemui di Shah Alam, semalam.

Mohamad Jamil menambah, makmal berkenaan turut memastikan pelanggan teru-



Makmal baharu itu termasuk dalam pelaksanaan strategi utama dalam Pelan Transformasi lima tahun iaitu inovasi, perkembangan perniagaan selain peningkatan produktiviti”

Mohamad Jamil Sulaiman,
Naib Presiden SIRIM

tama orang awam dilindungi daripada tipu helah pembekal atau peniaga yang sanggup menggadaikan keselamatan pengguna untuk mengaut keuntungan segera, terutama bagi produk kecantikan dan perubatan yang sering menggunakan raksa dan steroid.

“Perkhidmatan ini bukan sahaja dapat membantu pengguna, malah menaik taraf perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Malaysia, dengan matlamat meningkatkan produktiviti industri sehingga boleh dipasarkan ke pasaran global,” katanya.

Beliau berkata, dalam usaha untuk melonjakkan PKS, SIRIM sudah menjalankan Audit Teknologi terhadap 150 syarikat PKS pada 2015 dan akan menjalankan audit sama terhadap 170 syarikat dalam industri sama tahun ini.

“Audit itu dibuat untuk menilai syarikat dari segi keupayaan dan kapasiti pengurusan teknologinya, selain memberi pemahaman kepada PKS mengenai kekuatan dan kelemahan mereka serta potensi yang boleh dibuat untuk penambahbaikan,” katanya.